

21/06/2003

Dr Mahathir tebus semula maruah bangsa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya membentuk falsafah memajukan bangsa Melayu dan menebus maruah bangsa bagi memastikan Melayu tidak lagi dipandang hina.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, usaha itu amat jelas, iaitu hasil daripada hasrat mahu menempa kejayaan Melayu kerana hanya bangsa maju saja yang dihormati.

Abdul Ghani berkata, di bawah kepimpinan Dr Mahathir, Umno berjaya menebus maruah Melayu dan beliau sendiri seharusnya berbangga kerana memberi sumbangan besar serta bermakna dalam memungkinkan perubahan yang dialami masyarakat Melayu.

"Melayu bersedia menjadi kompetitif, menganjak paradigma dan mempersiapkan diri menghadapi cabaran global. Semangat peneroka yang menjadikan Melayu pengembara, mubaligh dan ahli perniagaan tersohor muncul kembali.

"Kejayaan Dr Mahathir juga menjadikan Malaysia model pembangunan terunggul dunia Islam dan teladan negara Islam progresif di tengah-tengah prasangka buruk terhadap Islam yang disifatkan mundur, ekstrim dan ganas," katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden.

Abdul Ghani juga berkata, kejayaan itu hasil pengalaman Dr Mahathir menempuh empat era penjajahan menjadi penggerak dan pendorong kepada perjuangannya mengangkat martabat dan memastikan kejayaan bangsa Melayu.

Era berkenaan ialah era penjajahan British, Jepun, penjajahan Thai di Kedah dan Pentadbiran Tentera British (BMA).

Beliau berkata, sepanjang tempoh itu Dr Mahathir menyaksikan pelbagai peristiwa, termasuk bagaimana orang Melayu dihina, dipanggil 'boy' oleh bangsa asing, dipukul dan dianggap bangsa tidak berkebolehan.

Katanya, Perdana Menteri juga mempelajari bagaimana negara mundur boleh menjadi maju dan mengambil iktibar negara maju serta bertamadun tinggi, akhirnya runtuh.

"Kesedaran mengenai jatuh bangun tamadun mendorong beliau menyuarakan penubuhan orde baru di dunia sekarang, lebih-lebih lagi kesedaran terhadap ancaman dan ketidakstabilan global oleh sikap neokolonialisme bangsa Eropah.

"Dengan gagasan ganas mengenai 'terrorism' dan 'extremism' bangsa Eropah menghalalkan campur tangan di negara asing dan penggantian rejim baru. Pengertian mendalam mengenai tindakan inilah yang kita mesti waspada demi keutuhan Malaysia," katanya.